

Bekas PM nafi dapat pendapatan lumayan

18/05/04 M S B H

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam menolak tanggapan kononnya beliau memperoleh pendapatan lumayan atas kedudukannya sebagai penasihat beberapa syarikat dan agensi sekarang.

Beliau menegaskan, apa diperolehinya ketika ini hanyalah bayaran pencen sebagai Perdana Menteri, jawatan yang dipegangnya selama lebih 22 tahun.

"Saya ingin menjelaskan bahawa saya tidak dapat satu sen pun dengan menjadi Penasihat Petronas, Proton, Lada (Lembaga Pembangunan Langkawi) dan Tioman (Lembaga Pembangunan Tioman).

"Apa yang saya dapat hanyalah pejabat seperti disediakan oleh Petronas," katanya ketika menyampaikan ucapan Dialog 2010 di Langkawi Lagoon Resort di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, perkara itu perlu dijelaskannya kerana timbul desas-desus mengatakan beliau mendapat elaun tertentu sebagai penasihat kepada syarikat dan agensi berkenaan.

Bercakap pada sidang akhbar kemudian, bekas Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu mencampuri urusan anaknya, Datuk Mukhriz Mahathir yang berhasrat untuk menyertai arena politik.

"Itu bukan urusan saya. Dia punya hal dia punya hal lah. Ketika saya jadi Perdana Menteri, saya tak bagi anak saya terbabit, nak jaga nama baik saya.

"Jadi, saya suruh anak saya korban untuk kepentingan saya tetapi tak bolehlah nak suruh dia korban sampai bila-bila. Sekarang dia punya pasal lah," katanya ketika ditanya mengenai hasrat Mukhriz bertanding bagi jawatan Ketua Pemuda Umno Kubang Pasu dan Exco pergerakan itu, pada pemilihan akan datang.

Mengenai nasihatnya kepada ahli Umno bahagian di Kedah yang akan bersidang, Dr Mahathir berharap segala urusan politik dibuat secara baik dan tidak membabitkan wang atau penggunaan samseng.

Mengenai Dialog 2010, beliau berpuas hati kerana semua peserta termasuk pegawai kerajaan, ahli politik dan golongan korporat, komited dalam usaha mencapai matlamat Kedah Maju pada 2010.

Ditanya sama ada pendekatan baru dikenal pasti dalam menjayakan Pelan Tindakan Kedah Maju, beliau berkata, pendekatan yang dipersetujui ialah semua proses birokrasi ditentukan.

"Kita perlu kenal pasti apa yang perlu dibuat sebelum sesuatu permohonan diluluskan supaya pihak swasta dan kerajaan tahu apa yang perlu dihalusi," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan negeri perlu menekankan pentingnya hasil sampingan daripada sesuatu perusahaan, bukannya keuntungan segera.

"Jika ia menyumbang kepada pembangunan ekonomi, mungkin tanah tidak dijual dengan harga biasa, mungkin dikurangkan. Kadang-kadang mungkin tidak dikenakan bayaran sama sekali.

"Kita juga perlu menumpukan pelbagai sektor selain pengurusan kerajaan, iaitu bidang yang boleh menyumbang kepada pembangunan Kedah termasuk pelancongan di Langkawi dan tanah besar," katanya.